

**IKLAN JAWATAN**  
**TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mempelawa individu yang berkelayakan dan berwibawa untuk mengisi jawatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM. Maklumat jawatan tersebut adalah seperti berikut:

**1) MAKLUMAT JAWATAN**

Jawatan	: <b>Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)</b>
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan Utama
Gred Jawatan	: Gred Utama B (VU6)
Jumlah Gaji	: Minimum RM8,315.00 Maksimum RM22,445.00
Status Pelantikan	: Secara Pertukaran Sementara / Pinjaman/ Secara Pelantikan Kontrak
Tempoh Lantikan	: Tiga (3) tahun; tertakluk kepada kelulusan Kementerian Pendidikan Tinggi
Kelayakan dan Pengalaman	: Sekurang-kurangnya menyandang jawatan Profesor Gred Khas C (VK7) secara tetap/kontrak/setaraf

## **2) KRITERIA UMUM**

Pemilihan Timbalan Naib Canselor secara umumnya mestilah berdasarkan kepada kriteria-kriteria seperti berikut:

**a) Kecemerlangan Akademik:**

Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

**b) Pengiktirafan Antarabangsa:**

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

**c) Kebolehan Memimpin dan Mengurus:**

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh menerajui transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

**d) Reputasi:**

Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven tracks record* serta disanjung baik dan dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

e) **Personaliti:**

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player* serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan insan bermentaliti kelas pertama.

**3) KRITERIA KHUSUS**

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria khusus seperti berikut:

a) **Pengalaman Membida Projek Penyelidikan dengan Jaya;**

Ini merupakan tugas hakiki TNC (P&I). Calon bukan sahaja berpengalaman menjalankan penyelidikan sebagai Penyelidik Utama (P&I) tetapi menjadi peneraju IPT masing-masing untuk membida dana penyelidikan dari dalam dan luar negara.

b) **Mahir Mensistesis Instrumen Komitmen Penyelidikan (*RU Instrument*);**

KPI TNC (P&I) utama adalah meneraju penyelidikan di IPT masing-masing. Calon bukan sahaja mahir mengenai instrumen tersebut tetapi telah menunjukkan rekod cemerlang mentransformasi penyelidikan sekurang-kurangnya di peringkat Institut, *Centre of Excellence* (CoE) atau Fakulti.

c) **Mempunyai Jaringan Hubungan Yang Luas;**

Penyandang mestilah mempunyai jaringan hubungan yang luas dengan industri di peringkat serantau dan antarabangsa. Ini kerana selain bertanggungjawab mendapatkan projek-projek dan geran-geran penyelidikan dari sektor awam dan swasta penyandang juga

bertanggungjawab mempromosikan dan mengkomersilkan hasil-hasil penyelidikan di dalam dan luar negara.

- d) **Berkemampuan dalam Menguruskan Aktiviti Berkaitan Harta Intelek;**  
Penyandang mestilah seorang individu yang mampu menguruskan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan harta intelek seperti penghasilan harta intelek dan latihan yang berkaitan. Ini adalah penting kerana pengurusan hubungan industri yang berkesan akan memberi pulangan kepada universiti melalui perlesenan dan pengkomersilan.
- e) **Cemerlang dalam Penyelidikan, Penerbitan dan Urusan Pengkomersilan;**  
Penyandang mestilah mempunyai pengalaman yang luas dalam pengkomersilan produk penyelidikan, mempunyai *track record* dalam penyelidikan serta penghasilan artikel berkualiti dalam jurnal berwacit agar penyandang mempunyai reputasi tinggi dan dihormati oleh kelompok sebaya/setaraf.
- f) **Berpengalaman sebagai Penyelia yang Berjaya;**  
Penyandang mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam penyeliaan pasca-siswazah (Sarjana & PhD) terutamanya dalam mod penyelidikan. Ini kerana penyandang bertanggungjawab menentukan halatuju penyelidikan universiti dan menerapkan *research culture* di kalangan ahli akademik dan para penyelidik.

### **a) CARA MEMOHON**

Calon yang berminat untuk mengisi jawatan ini perlulah mengemukakan permohonan rasmi berserta dokumen seperti berikut :

- i) *Leadership Curriculum Vitae (CV)* (**Lampiran A**);
- ii) *Curriculum Vitae (CV)* yang lengkap; dan
- iii) Kertas cadangan ringkasan mengenai wawasan dan perancangan jangka pendek dan jangka panjang sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM.

Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

**Ketua Pegawai Operasi  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Hang Tuah Jaya,  
76100 Durian Tunggal,  
Melaka.**

atau melalui emel [azrinaalwi@utem.edu.my](mailto:azrinaalwi@utem.edu.my) / [nurayuni@utem.edu.my](mailto:nurayuni@utem.edu.my)

**Tarikh tutup permohonan: 20 Ogos 2024**

### **b) PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan Bakat, Pejabat Pendaftar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka di talian: 06-2701954/1900.